

**DARJAH KEBESARAN
DIRAJA TERENGGANU**

**ROHAYA BINTI-LONG
90104898**

**DIPLOMA KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR
TAHUN 1993 / 94**

KANDUNGAN

Kata Pengantar

Halaman Pemeriksaan

Sinopsis

Kalungan Budi

Isi Kandungan

BAB 1 - PENDAHULUAN

- 1.1 - Sejarah Kesultanan Terengganu Daraul Iman
- 1.2 - Salasilah Sultan-sultan Terengganu Darul Iman
- 1.3 - Asal usul nama Terengganu

BAB 2 - LATAR BELAKANG SEJARAH

- 2.1 - Darjah Kebesaran Negeri Terengganu
- 2.2 - Kewujudan Darjah Kebesaran bagi Negeri Terengganu
- 2.3 - Jenis-jenis Darjah Kebesaran Negeri Terengganu

BAB 3 - PENGURNIAN DARJAH KEBESARAN

- 3.1 - Anugerah
 - 3.11 - Pengertian anugerah
- 3.2 - Tujuan Pengurnian Darjah Kebesaran
- 3.3 - Pengurnian Darjah dan Pemakaiannya
- 3.4 - Gelaran-gelaran Kebesaran selepas kurnian

BAB 4 - TANDA - TANDA KEBESARAN YANG TERDAPAT DI DALAM DARJAH KEBESARAN

- 4.1 - Tanda-tanda kebesarannya

SINOPSIS

Tesis yang bertajuk " DARJAH KEBESARAM DIRAJA TERENGGANU ini merupakan satu pengkajian mengenai hal - hal kebesaran Negeri Terengganu dan ia berkaitan dengan istiadat Kesultanan terutama semasa majlis pertabalan dimana kurnian Darjah Kebesaran diberikan kepada mereka yang telah berbuat jasa di negeri Terengganu ini. Malah Darjah Kebesaran ini juga diberikan kepada pembesar - pembesar tertentu di dalam majlis - majlis pengurnian. Darjah Kebesaran merupakan satu hadiah yang paling berharga kepada seseorang yang akan memilikinya contohnya dari aspek kebaktian yang dicurahkan kepada negeri ini.

Pada peringkat awal pengkajian, saya cuba mengkaji tentang sejarah Kesultanan Negeri Terengganu Darul Iman dari mulanya pemerintahan Sultan sehingga Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah menaiki takhta kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Disamping itu saya juga mengkaji bagaimana sejarah asal usul nama Terengganu diperolehi dan di pergunakan sehingga sekarang.

Dalam bab 2, penulis telah menyingkap tentang latar belakang sejarah yang berkaitan dengan Darjah Kebesaran dan juga mengenai kewujudan Darjah Kebesaran bagi Negeri Terengganu. Kajian ini merangkumi jenis - jenis Darjah Kebesaran

KALUNGAN BUDI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi sehingga akhirnya penulis dapat menyiapkan tesis ini dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan. Dengan tenaga yang ada hanya ini yang dapat penulis sedekahkan dan penulis tidak harus mengakui bahawa usaha ini adalah yang selengkap-lengkap dan sesempurnya.

Kejayaan menyiapkan tesis ini telah melibatkan banyak pihak, justeru itu dikesempatan yang ada ini penulis ingin menyampaikan sekalung kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah penasihat Encik Alia Yusuff yang sudi memberi panduan serta nasihat yang berguna dan tunjuk ajar bagaimana untuk menghasilkan tesis ini sehinggalah segalanya berjalan dengan lancar dan penuh kefahaman. Rasa terhutang budi juga penulis rakamkan buat semua pensyarah Seni Logam Halus yang telah memberi bimbingan serta ilmu yang amat bermakna buat diri penulis.

Tidak ketinggalan juga jutaan terimakasih penulis kepada semua kakitangan Arkib Negara Cawangan Terengganu Darul Iman, Jabatan Setiausaha Sulit Kerajaan Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Shah Alam Selangor, TABA KRAF Kuala Lumpur, Mariwasa Kraftangan Kuala Lumpur dan Bangunan Wisma Darul Iman Kuala Terengganu.

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1 - SEJARAH KESULTANAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN.

Berpandukan catatan pada Batu Bersurat yang ditemui pada tahun 1303 masihi, Terengganu merupakan negeri yang pertama mengistiharkan Agama Islam sebagai agama rasmi berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Pada batu itu juga ada mencatatkan mengenai pemerintahan Terengganu yang pada masa itu dikenali dengan nama 'Sri Paduka Tuan'. Sejarah melayu telah mencatatkan bahawa keturunan pemerintah Terengganu adalah dari keturunan Megat dan salah seorang puteranya dikenali sebagai Megat Panji Alam.

Daripada kajian dan penyelidikan yang didapati dari sumber sejarah, menunjukkan bahawa Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja merupakan Sultan yang pertama dilantik bagi Negeri Terengganu. Dari keturunan Bagindalah Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Terengganu memerintah Negeri Terengganu sehinggalah ke hari ini.

Melalui sumber sejarah ini kita akan dapat melihat bagaimana pemerintahan Negeri Terengganu dijalankan dari awal sehingga takhta Kerajaan Terengganu diperintah oleh DYMM Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.